

STRATEGI PdPc

BAB 2 Pengurusan Projek

Panduan RPH		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)	Halaman
Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)		
2.1 Pengurusan projek reka bentuk	2.1.1 Mentakrifkan pengurusan projek reka bentuk Buku Teks m.s 32	Soalan 1 TP 1	17
BBM	PAK-21	KBAT	
Kad soalan bagi setiap hentian bas	<i>Bus Stop</i>	Mengaplikasi	
EMK	i-THINK	Nilai Murni	
Bahasa	–	Bekerjasama	

Cadangan PdPc

1. Guru menerangkan maksud pengurusan projek kepada murid.
2. Murid menjawab Soalan 1 dalam buku POWER UP halaman 17.
3. Guru mengarahkan murid membentuk empat hentian bas dalam bilik darjah dan labelkan hentian bas dengan Hentian A, B, C, dan D.
4. Guru meletakkan kad soalan dengan pelbagai bentuk soalan tentang definisi pengurusan projek reka bentuk pada setiap hentian bas.
5. Bahagikan kelas kepada empat kumpulan. Kemudian pilih empat orang murid dan tempatkan mereka di setiap hentian bas. Arahkan setiap kumpulan untuk bergerak ke setiap hentian bas.
6. Murid bergerak secara berkumpulan dari satu hentian ke hentian yang lain sambil berbincang tentang soalan berkenaan.
7. Murid berkongsi pendapat dan merekodkan komen dan maklumat yang diperolehi.

Panduan RPH		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)	Halaman
Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)		
2.1 Pengurusan projek reka bentuk	2.1.3 Mengenal pasti langkah pengurusan pelaksanaan projek 2.1.4 Merangka perancangan projek Buku Teks m.s 34 – 37	Soalan 3 Soalan 5 TP 3	17 – 18
BBM	PAK-21	KBAT	
Buku teks, kertas sebak dan pen penanda	<i>Find the Fib</i>	Menganalisis	
EMK	i-THINK	Nilai Murni	
Bahasa	–	Kerjasama, kebebasan	

Cadangan PdPc

1. Guru menerangkan proses pelaksanaan projek dan cara merangka perancangan projek.
2. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan diberi sehelai kertas sebak untuk setiap kumpulan.
3. Setiap kumpulan perlu menyediakan tiga set penerangan atau pernyataan dan setiap set mempunyai tiga penerangan berkaitan pelaksanaan dan perancangan projek.
4. Pada setiap set, terdapat satu penerangan yang salah dan dua adalah betul.
5. Secara bergilir-gilir, setiap kumpulan akan menyatakan penerangan mereka di hadapan kelas.
6. Kemudian, kumpulan lain perlu meneka penerangan yang salah.

Panduan RPH		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)	Halaman
Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)		
2.1 Pengurusan projek reka bentuk	2.1.5 Menganalisis perancangan projek dan jadual kerja Buku Teks m.s 38 – 39	Soalan 6 TP 4	19

BBM	PAK-21	KBAT
Buku teks, kertas A4 dan fail	<i>Traveling file</i>	Menganalisis
EMK	i-THINK	Nilai Murni
Sains dan teknologi	–	Berdikari

Cadangan PdPc 1. Guru akan menerangkan tentang perancangan serta jadual kerja. 2. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. 3. Setiap kumpulan akan memperoleh satu fail yang terkandung soalan-soalan berkaitan analisis perancangan projek dan jadual kerja. 4. Setiap 15 minit, fail tersebut akan diedarkan kepada kumpulan lain. 5. Setiap kumpulan perlu menjawab soalan yang berada di dalam fail tersebut. Perbincangan perlu dilakukan bersama ahli kumpulan sebelum ditambah, dihurai atau disunting jawapan bagi soalan yang diterima. 6. Murid menjawab Soalan 6 dalam buku POWER UP RBT halaman 19.		
--	--	--

Panduan RPH		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)	Halaman
Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)		
2.1 Pengurusan projek reka bentuk	2.1.6 Menyediakan anggaran kos Buku Teks m.s 40 – 42	Soalan 7 TP 5	19
BBM	PAK-21	KBAT	
Buku teks dan kertas kosong	<i>Who am I?</i>	Menganalisis	
EMK	i-THINK	Nilai Murni	
Bahasa	–	Kerjasama	

Cadangan PdPc 1. Guru menerangkan cara pengiraan anggaran kos untuk sesebuah projek. 2. Murid dibahagikan kepada lima kumpulan dan setiap kumpulan akan melantik wakil untuk ke hadapan kelas. 3. Wakil setiap kumpulan akan disematkan di belakang baju mereka dengan salah satu konsep SMART. 4. Setiap daripada mereka diberikan peluang untuk menanyakan tiga soalan sahaja kepada rakan lain tentang identiti mereka. 5. Rakan hanya boleh menjawab ‘ya’ atau ‘tidak’. 6. Mereka perlu meneka identiti yang disematkan pada mereka hasil daripada pembayang jawapan yang diberikan oleh rakan. 7. Murid menjawab Soalan 7 dalam buku POWER UP RBT halaman 19.		
---	--	--

Panduan RPH		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)	Halaman
Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)		
2.1 Pengurusan projek reka bentuk	2.1.7 Merancang pembentukan kumpulan kerja berdasarkan tugas dan peranan Buku Teks m.s 42 – 44	Soalan 8 TP 6	20 – 23
BBM	PAK-21	KBAT	
Buku teks, kertas sebak	Pembentangan	Mencipta	
EMK	i-THINK	Nilai Murni	
Kreativiti dan inovasi	–	Berdikari, bekerjasama	

Cadangan PdPc 1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang mempunyai lima orang ahli. 2. Murid diberi masa untuk berbincang dan menjawab soalan 8 dalam buku POWER UP RBT halaman 20 – 23. 3. Setelah masa yang ditetapkan untuk menjawab tamat, murid diminta untuk melakarkan <i>mock-up</i> dan model yang telah dibincangkan bagi Soalan 8 di atas kertas sebak. 4. Kemudian, setiap kumpulan secara bergilir-gilir akan membentangkan hasil mereka di hadapan kelas.		
---	--	--